

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah membuat kajian menyeluruh dan bercadang untuk meminda dasar sedia ada untuk membenarkan pelarian dari luar negara untuk bekerja di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, pelarian pemegang kad UNHCR hanya dibenarkan untuk bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup. Isu mengenai kebenaran bekerja sedang diteliti di bawah Jawatankuasa Arahan MKN No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.